



UCAPAN PELANCARAN

**YANG BERHORMAT
DATO SERI PADUKA AWANG HAJI SUHAIMI BIN HAJI
GAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA
PELANCARAN INISIATIF BEBAS BOTOL PLASTIK BAGI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN JABATAN-JABATAN DI
BAWAHNYA**

TEMA: “*BEAT PLASTIC POLLUTION*”

**HARI SELASA, 5 JUN 2018M
BERSAMAAN 20 RAMADHAN 1439H**

**DEWAN BETABUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Mulia Dayang Martinah binti Haji Tamit
Pemangku Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Selaku Pengerusi Majlis

Yang Mulia Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin
Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional)
Kementerian Pembangunan

Yang Mulia Dayang Dr Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
Pemangku Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan)
Kementerian Pembangunan

Yang Mulia Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar
Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria
Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya
Kementerian Pembangunan

Yang Mulia

Pengarah-Pengarah, Timbalan-Timbalan Pengarah, Pegawai-Pegawai
Kanan dan Pegawai-pegawai diKementerian Pembangunan serta
hadirin dan hadirat yang di hormati sekalian



Salam Sejahtera dan Selamat Tengahari

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala diatas limpah kurnia dan izinNya jua, kita semua diberikan kesempatan untuk berkumpul bagi sama-sama meraikan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2018 pada hari ini dan di dalam bulan Ramadhan yang mulia serta penuh keberkatan ini. Rasanya belum terlambat bagi saya mengucapkan selamat menjalani ibadah Puasa kepada semua warga muslimin dan muslimat di Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya, semoga semua amal ibadah kita akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah-mudahan kita semua dipertemukan lagi di Ramadhan yang akan datang, InsyaAllah. Amin ya rabbal alamin.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih di atas penghormatan yang diberikan kepada saya selaku Tetamu Kehormat bagi melancarkan “Inisiatif Bebas Botol Plastik bagi Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di bawahnya” sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2018 pada hari ini. Tahniah dan syabas saya ucapan kepada Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi diatas inisiatif ini, yang mana pada hemat saya

bertepatan dengan langkah warga global dalam memerangi pencemaran alam sekitar dari bahan plastik di negara ini.

3. Seperti yang kita maklum bahawa isu dan masalah alam sekitar mendapat perhatian di pelbagai peringkat pada masa kini, kerana implikasi nya bukan sahaja ke atas generasi masa kini tetapi juga generasi kita di masa hadapan. Isu-isu alam sekitar yang sering dibangkitkan antara lain, termasuklah pencemaran udara, pencemaran air, kehilangan biodiversiti dan perubahan iklim. Punca utama masalah-masalah ini ialah pembangunan fizikal yang tidak terkawal, gaya hidup dan corak penggunaan (consumption patterns) dan perbuatan manusia yang kurang bertanggungjawab seperti penggunaan dan pembuangan botol-botol plastik dan sisa-sisa plastik yang menjelaskan sungai-sungai dan laut. Isu-isu ini jika tidak ditangani akan membawa kesan-kesan negatif termasuk menjelaskan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.
4. Oleh itu, bersempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia yang jatuh pada 5hb Jun setiap tahun, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, telah membuat satu lagi inisiatif bagi mendokong dan memupuk kesedaran disamping mempromosi tindakan untuk melindungi alam sekitar. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia mula diperkenalkan oleh Persatuan Bangsa Bangsa Bersatu sejak 1974, dimana sambutannya telah kian berkembang dan menjadi platfrom global untuk mengadakan aktibiti-aktibiti yang berunsurkan “*public outreach*”, yang disambut secara meluas di lebih dari 100 buah negara di seluruh dunia, termasuk Negara Brunei Darussalam.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

5. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia juga lebih tertumpu kepada penglibatan orang ramai untuk membuat tindakan – baik secara perseorangan maupun secara berkumpulan dengan tujuan yang sama iaitu - untuk menjaga kesejahteraan alam persekitaran Bumi, baik di peringkat negara, serantau dan juga antarabangsa.
 6. Seperti lazimnya setiap sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia mempunyai tema yang khusus setiap tahun yang memfokuskan perhatian terhadap isu-isu semasa yang berkaitan dengan alam sekitar yang memerlukan perhatian secara holistik. Tema yang dipilih oleh Persatuan Bangsa Bangsa Bersatu pada tahun ini yang mana bagi pendapat saya adalah amat relevant dalam konteks pengurusan alam sekitar di negara ini yang giat kita ungkayahkan, iaitu – “*Beat Plastic Pollution*” atau “Tewaskan Pencemaran Plastik”.
 7. Tema Ini merupakan satu seruan yang mengajak kita untuk bertindak bagi sama-sama memerangi salah satu cabaran alam sekitar sejagat yang besar pada masa ini. Tema ini menghendaki kita semua untuk mempertimbangkan dan mengubah gaya hidup kita ke arah mengurangkan beban pencemaran plastik di negara kita, terutama sekali bagi ‘*single use plastics*’ atau bahan plastik pakaibuang. Slogan rasmi yang telah di pilih oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi iaitu “*If you can't reuse it, refuse it*” mengajak kita untuk berfikir sejenak sebelum membuat keputusan sama ada untuk membeli atau menerima sesuatu – adakah ianya boleh dipakai semula?

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

8. Tidak dinafikan, bahan-bahan atau produk-produk plastik mempunyai banyak kegunaan dalam kehidupan harian kita. Mungkin kita tidak menyedari berapa banyak penggunaan '*single use plastics*' atau produk-produk plastik pakaibuang ini secara keseluruhannya.
9. Statistik yang dikeluarkan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu mendapati bahawa 1 juta botol minuman plastik dibeli setiap enam puluh (60) saat di seluruh dunia. Itu hanya untuk satu minit, bayangkan berapa banyak jumlahnya botol-botol plastik untuk setahun - **lebih dari 0.5 bilion** botol, yang mana cuma 1 dari 5 botol plastik dikitar semula. Dalam masa yang sama, setiap tahun secara global mengeluarkan 5 trilion beg plastik gunapakai, yang akhirnya akan dibuang di tapak pelupusan atau sebahagiannya berakhir mencemarkan alam persekitaran. Memandangkan tidak semua sisa buangan plastik ini dapat dikitar semula, sisa-sisa tersebut akan dikumpulkan dan ditanam di tapak pelupusan dan akan mengambil masa beribu tahun untuk hancur atau reput. Inilah salah satu punca pencemaran tanah dan jika tidak ditangani akan menyebabkan pencemaran air, sama ada air bawah tanah ('*ground water*') ataupun permukaan air ('*surface water*').
10. Secara purata, sebanyak 13 juta tan bahan buangan plastik memasuki sistem perairan kita di seluruh dunia, mengakibatkan pencemaran air baik dari longkang-longkang, sungai dan laut, yang membawa kepada banjir. Ini adalah satu ancaman bukan sahaja kepada kehidupan marin seperti terumbu karang ('*coral reefs*') tetapi

juga kepada burung dan binatang lain yang termakan sisa-sisa plastik. Bahan plastik mengandungi beberapa kimia yang kebanyakannya toksik. Ianya juga berfungsi sebagai magnet kepada bahan-bahan pencemar ('*pollutants*') yang lain termasuk dioksin, logam ('*metals*') dan racun perosak ('*pesticides*') yang akan mengundang bahaya bagi alam sekitar, hidupan liar dan juga kepada kita semua.

11. Jadinya, apakah yang kita boleh buat baik sebagai individu maupun secara berkumpulan? Seperti slogan "*If you can't reuse it, refuse it*", dalam erti kata lain menyarankan kita untuk mengamalkan tabiat dan amalan gunasemula di samping mengatakan **tidak** kepada apa yang boleh dielakkan seperti botol plastic dan beg plastik.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

12. Tema ini juga mempunyai persamaan dengan tema Hari Bumi yang disambut pada 22 April pada tahun ini iaitu "*End Plastic Pollution*" atau "Akhiri Pencemaran Plastik", di mana Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi telah mengadakan beberapa aktifiti kearah melaksanakan initiative tersebut seperti berikut:

- i) Penambahan Hari Khamis Ke Arah Setiap Hari Tanpa Beg Plastik yang mula dilancarkan pada hari Khamis, 19 April 2018. Ini adalah merupakan tambahan kepada Inisiatif Hujung Minggu Tanpa Beg Plastik yang mula diperkenalkan sejak bulan Mac 2011 dengan tujuan untuk mencapai matlamat meningkatkan kadar penggunaan konsep 3 'R' (Reuse, Reduce, Recycle) ke

arah mengurangkan jumlah sisa buangan di Negara ini. Dalam masa yang sama, inisiatif ini adalah untuk mempromosikan dan menggalakkan penggunaan alternatif yang lebih mesra alam seperti beg guna semula ('*reusable bags*'), di samping memupuk budaya yang berunsurkan kehijauan dan kelestarian ke arah sebuah negara yang berkualiti selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

- ii) Alhamdulillah, inisiatif ini disambut baik oleh orang ramai di mana tindakbalas yang positif telah diberikan bukan hanya dari pihak gedung-gedung perniagaan dan pasaraya utama di negara ini, tapi yang lebih penting lagi penerimaan yang menggalakkan dari orang ramai. Saya juga mengambil maklum bahawa inisiatif ini turut disahut dan disokong oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di mana Pelancaran Bagi Mendokong Inisiatif Hari Tanpa Beg Plastik telah diadakan semasa Majlis Pembukaan Gerai Ramadhan Tahun 1439H/2018M. Usaha bersepada inilah yang kita harapkan dari semua pihak-pihak berkepentingan dan orang ramai, bagi memastikan apa juar inisiatif yang diungkayahkan adalah secara berterusan dan melibatkan semua lapisan masyarakat.
- iii) Projek Pembersihan Kawasan Persekutuan Perumahan dan Bakut di Kampong-Kampong Ayer juga masih giat dijalankan seperti di Mukim Saba, Mukim Peramu, Mukim Burong Pingai Ayer dan Mukim Tamoi bermula 16 April 2018. Setakat ini, projek pembersihan dan pengutipan berkenaan telah berhasil mengumpul sebanyak lebih kurang 20 ribu beg (atau guni)

sampah sarap yang terkumpul dan terperangkap di bawah-bawah rumah, sekolah dan institusi-institusi lainnya di Kampong Ayer, serta di kawasan-kawasan bakut dan sekelilingnya.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian

13. Berbalik kepada Inisiatif Bebas Botol Plastik yang akan dilancarkan pada hari ini, kita melangkah setapak lagi dalam melaksanakan usaha untuk menjaga alam sekitar di negara ini bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena persidangan khas Menteri-Menteri Kabinet pada 21 Jamadilakhir 1439H bersamaan dengan 7 Februari 2019, di mana Baginda berhasrat untuk melihat Negara Brunei Darussalam bersih dari sampah sepanjang masa dan menyarankan supaya isu kebersihan ditangani secara bersepada. Saya turut difahamkan bahawa inisiatif ini juga adalah di antara usaha pihak kerajaan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dalam mengurangkan sisa buangan plastik yang perlu dilupuskan di tapak pelupusan.
14. Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal yang berhubung-kait dengan alam sekitar, kita haruslah menjadi contoh atau “lead through example” kepada orang ramai. Dengan ini, saya ingin mengumumkan bahawa *Kementerian Pembangunan adalah komited dalam mengungkayahkan Inisiatif ini ke arah hasrat untuk menjadi Kementerian pertama yang bebas botol plastik.*
15. Dengan adanya sokongan yang padu dari semua pihak, saya yakin inisiatif ini akan berjaya meningkatkan kesedaran orang ramai

khususnya warga Kementerian Pembangunan dalam menangani masaalah penggunaan dan pembuangan botol plastik pakaibuang dan dalam masa yang sama melahirkan rasa tanggungjawab sebagai individu untuk meningkatkan usaha dan memainkan peranan masing-masing dalam menyumbang ke arah penjagaan alam sekitar yang bukan hanya milik kita tetapi untuk generasi yang akan datang. Semoga sokongan dan kerjasama yang terjalin ini akan terus berkekalan demi meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari ke arah pencapaian wawasan negara. *“It Takes a Nation to Beat Plastic Pollution”*

Akhir kata, dengan kalimah **BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM**, saya dengan ini merasmikan pelancaran **INISIATIF BEBAS BOTOL PLASTIK BAGI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA** bermula pada hari ini, 20 Ramadhan 1439H bersamaan dengan 5 Jun 2018M.

Sekian

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh